

BAB 2 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

2.1 Latar Belakang Perlembagaan Persekutuan

1. Sebelum kedatangan British, apakah sistem pemerintahan yang diamalkan di negara kita ? ...ms22

- A Pemerintahan republik
- B Pemerintahan beraja
- C Pemerintahan tentera
- D Pemerintahan demokrasi

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

2. Undang-undang bertulis di atas telah digunakan di negeri Melayu dan menjadi panduan pemerintahan ...ms22

- A Kesultanan Melayu Melaka
- B Kesultanan Johor-Riau
- C Kerajaan Melayu Pahang
- D Kerajaan Melayu Kedah

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang 99 Perak

3. Sebelum kedatangan Barat, kandungan undang-undang bertulis yang digunakan di negeri Melayu di atas adalah dipengaruhi oleh ...ms22

- A Undang-Undang Johor
- B Undang-Undang Kedah
- C Undang-Undang Terengganu
- D Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka

Negeri-negeri Selat	Charter of Justice
Sarawak	The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949
Sabah	Sabah Application of Laws Ordinance 1951

4. Undang-undang di negeri-negeri Melayu di atas telah diperkenalkan kesan daripada ...ms23

- A Pengenalan undang-undang Barat
- B Pengenalan undang-undang tradisional
- C Pengenalan tradisi kesultanan Melayu
- D Pengenalan institusi pemerintahan beraja

5. Pada zaman pemerintahan British di Negeri-negeri Selat (NNS) iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, Apakah matlamat Charter of Justice diperkenalkan ? ...ms24

- A Untuk melindungi golongan pedagang
- B Untuk mempertahankan hak golongan pendatang
- C Untuk mempertahankan institusi pemerintahan beraja
- D Untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan